

PESERTA SKIM SUPERFISH JALANI KURSUS KEWANGAN ***SUPERFISH SCHEME PARTICIPANTS UNDERGO*** ***FINANCIAL COURSES***

Sebagai persediaan untuk projek ladang cili Superfish, 20 peserta yang menyertai projek tersebut telah menghadiri kursus berkaitan kewangan anjuran Darussalam Enterprise (DARe). Pada 16hb Mac, mereka telah diperkenalkan tentang Amalan Kewangan untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana diikuti dengan kursus 2 hari Pendidikan Kewangan untuk Usahawan bermula 18hb-19hb Mac. Kedua-dua kursus diadakan di iCentre dan bangunan D&T, Anggerek Desa.

As part of their preparations for the Superfish chili farm project, the 20 participants last week attended finance-related courses organized by Darussalam Enterprise (DARe). On the 16th March, they were introduced to a day-long Financial Practice for Micro, Small and Medium Enterprises followed by a 2-day course on Financial Education for Entrepreneurs from 18-19th March. The courses were held at the iCentre and D&T building at Anggerek Desa respectively.



Para peserta bersama fasilitator kursus dari Darussalam Enterprise (DARe)
The participants with the workshop facilitators from Darussalam Enterprise (DARe)

GHANIM KONGSI BUTIRAN PELUANG KEUSAHAWANAN RUNCIT

GHANIM SHARES DETAILS OF RETAIL ENTREPRENEURSHIP OPPORTUNITIES

Kesinambungan perbincangan antara PDC dan Ghanim International telah diadakan bagi memahami lebih lanjut mengenai peluang keusahawanan runcit yang akan disediakan oleh Ghanim kepada usahawan yang bercita-cita ingin mengurus dan menjalankan kedai runcit dan kiosk Ghanim dengan jenama 'The Junction'



Perjumpaan dengan Hj Aylwin Eng bin Alimin
Ketua Projek Khas dan Pegawai Kos Ghanim
*Meeting with Ghanim's Special Project Lead
& Costing Officer*

Further discussion was held between the PDCs and Ghanim International to understand more about the retail entrepreneurship opportunities that will be made available by Ghanim to aspiring entrepreneurs who want to manage and run Ghanim's retail shops and kiosks called 'The Junction'.

LAWATAN KE SYARIKAT CENDAWAN TIRAM

VISIT TO OYSTER MUSHROOM COMPANY

Bagi meneruskan perjumpaan dengan pelbagai industri, pihak Nexus telah mengadakan lawatan ke Greenthumb Farms Sdn Bhd pada hari Rabu, 24hb Mac yang bertempat berhampiran Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei di Kilanas. Greenthumb ialah sebuah syarikat yang menghasilkan cendawan tiram untuk pasaran tempatan. Cendawan tiram lazimnya digunakan bagi penyedap hidangan dalam masakan Jepun, Korea dan Cina.

The industry engagement exercise continued this week with a visit to Greenthumb Farms Sdn Bhd, a company that produces oyster mushrooms for the local market. The visit to the farm at its location near the Brunei Agricultural Research Centre was held on Wednesday, 24th March 2021. The oyster mushroom is used in Japanese, Korean and Chinese cooking as a delicacy.



Lawatan ke bangunan penghasilan cendawan tiram milik Greenthumb
The site visit to Greenthumb's oyster mushroom production building



Proses penyediaan, pensterilan kantung dan penanaman cendawan tiram
The process of preparing, sterilizing bags and spawning oyster mushrooms

PENYERAHAN WAQAF KEPADA MASJID PERPINDAHAN LAMBAK KANAN *PRESENTATION OF WAQAF TO PERPINDAHAN KAMBAK KANAN MOSQUE*

Sempena sambutan Israk Mikraj baru-baru ini yang dianjurkan oleh Nexus, satu majlis penyerahan waqaf telah diadakan di Masjid Perpindahan Lambak Kanan pada hari Khamis, 18hb Mac 2021. Hadir bagi menyempurnakan penyerahan tersebut ialah Hajah Nor Azura binti Hj Mohd Tahir, Ketua Pegawai Eksekutif, Nexus Sdn Bhd. Waqaf berupa satu komputer riba, satu mesin pencetak dan buku-buku dikir telah diterima oleh Imam masjid berkenaan, Pg Hj Mohd Hafizuddin bin Pg Bakar. Pihak pengurusan, kakitangan dan rakan sekerja Nex.Us turut hadir menyaksikan majlis tersebut.

In conjunction with the Israk Mikraj organised by Nexus recently, a waqaf presentation ceremony was held at the Perpindahan Lambak Kanan Mosque on Thursday, 18th March 2021. Present to hand over the waqaf items was Hajah Nor Azura binti Hj Mohd Tahir, Chief Executive Officer, Nexus Sdn Bhd. The waqaf in the form of a laptop, a printer and dikir books were received on behalf of the mosque by Imam Pg Hj Mohd Hafizuddin bin Pg Bakar. The management, staff and associates of Nex.Us were present to witness the handover.



Hajah Nor Azura Hj Mohd Tahir, Ketua Pegawai Eksekutif menyampaikan waqaf kepada Imam Pg Hj Mohd Hafizuddin bin Pg Bakar
CEO presenting the waqaf items to the Imam of the mosque, Pg Hj Mohd Hafizuddin bin Pg Bakar

BENGGKEL PENULISAN CV AND TEMUDUGA DITERUSKAN

CV WRITING AND INTERVIEW WORKSHOP CONTINUES



Kumpulan Kedua | *The second group*

Dua lagi kumpulan rakan sekerja Nexus telah berpeluang untuk menghadiri bengkel penulisan CV dan temuduga yang telah diadakan di Kolej Cosmopolitan baru-baru ini. Bengkel ini diadakan bagi memberi pendedahan kaedah penyediaan CV yang baik serta bagaimana menghadapi sesi temuduga pekerjaan.

Two more groups of Nexus associates have had the opportunity to attend CV writing and interview workshop conducted by Cosmopolitan College. The workshop is intended to expose them to good CV preparation methods as well as how to cope with job interview sessions.



Kumpulan ketiga yang masih menjalani bengkel
The current third group attending the workshop



TAKLIMAT MENGENAI TRANSFORMASI KESIHATAN HEBAT DAN EKONOMI MANTAP

TARIKH: ISNIN, 29 MAC 2021

JAM: 9:00 PAGI

**TEMPAT: TINGKAT 2,
RUANG LEGAR,
IBU PEJABAT NEXUS**

ig: @meng.game fb: fb.com/hello.menggame



presents

PUBG

\$40
PER TEAM

MOBILE OFFLINE TOURNAMENT

64
TEAMS ONLY!

REGISTRATION EXTENDED TO 25TH MAR, 4PM

BND1,000 PRIZE POOL+



SAMSUNG GALAXY A30

NEX.US HQ, ANNAJAT COMPLEX 26th - 28th MAR CONTACT: 7434404

